

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(VI)19**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM  
YB. JOSEPH NG SOON SIANG**

19. Sumber bekalan air mentah di empangan menunjukkan pengurangan akibat cuaca kering.
- (a) Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk memastikan bekalan air mentah sentiasa mencukupi?
  - (b) Nyatakan status terkini paras air di empangan-empangan Pulau Pinang?
  - (c) Nyatakan status terkini kawasan-kawasan yang sudah dikenakan catuan air dan empangan-empangan yang terlibat?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

19. (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) berusaha untuk memastikan bekalan air mencukupi tanpa catuan sehingga tiba musim hujan. Objektif utamanya iaitu tidak ada catuan air dalam apa cara pun. Memandangkan senario ini sangat mencabar, PBAPP telah memulakan 5 langkah pro-aktif utama berikut untuk memastikan bekalan air yang mencukupi di negeri Pulau Pinang sehingga musim hujan yang dijangkakan pada bulan April 2020. Antara langkah-langkah tersebut ialah:
- (i) Minimumkan pelepasan dari Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang;
  - (ii) Maksimumkan pengeluaran air di LRA Sungai Dua;

- (iii) Pelepasan strategik dari Empangan Mengkuang;
  - (iv) Memohon meneruskan operasi pembenihan awan; dan
  - (v) Pengurusan tekanan
- (b) Penurunan paras air di semua empangan-empangan di Pulau Pinang sangat ketara pada masa sekarang. Ini adalah disebabkan oleh musim kemarau yang berpanjangan dan secara langsungnya akan menjejaskan kepada penduduk di negeri ini. Jadual di bawah menunjukkan status paras air (m) dan kapasiti (%) di empangan-empangan di Pulau Pinang pada 25 Mac 2020 :

BIL	EMPANGAN	TARIKH	PARAS AIR (M)	KAPASITI %
1	AIR ITAM	25.3.2020	225.4	37.2
2	TELUK BAHANG		27.6	23.0
3	MENGKUANG		48.47	69.4

- (c) Sehingga kini catuan di negeri Pulau Pinang tidak berlaku.